

# Newtbec



NEW WAY OF BEING CHURCH **Hari Minggu Prapaska Ke-4**

DIUTUS DENGAN KESEMBERAN UNTUK MENYEMBUH

TEMA BULANAN:

**Allah berkenan kepadaMu**

## Hidup dalam Cahaya Tuhan sebagai AnakNya

Cara Tuhan itu berbeza daripada manusia. Tuhan melihat peribadi seseorang, dan kualiti seseorang itu dan tidak seperti kita manusia biasa. Cerita mana Tuhan memilih Daud, "seorang yang berkenaan dihatiku" [Kisah Para Rasul 13:22] sebagai contoh. Seperti dalam kisah Samuel yang diberi tugas untuk memilih seorang raja,



Kegelapan hanya boleh diterangi dengan cahaya. Kebencian hanya boleh ditakhluk oleh cinta kasih.

-Sti. Yohanes Paulus II

lalu yang dipersembahkan kepadanya tidak berkenaan dimata Tuhan. Dalam pemilihan Daud, kita di-ingatkan bahawa manusia melihat paras rupa, tetapi Tuhan melihat hatinya.

Kebutaan ini masih berlaku sehingga hari ini. Kita gagal melihat kemiskinan emosi seseorang disebalik pemakaian yang cantik dan kemewahan kereta mereka. Kita gagal melihat penderitaan disebalik perwatakan yang tabah oleh seorang ibu tunggal. Kita gagal melihat keperitan disebalik mata seorang remaja yang murung yang kehilangan harapan untuk menjalin hubungan dengan ibubapanya yang sentiasa sibuk.

Adakah kita mahu melihat? **Ataukah kita memilih untuk tidak melihat?** Bilakah kita akan melihat semua ini?

Dalam Injil hari ini, Yesus menyembuhkan seorang yang buta dengan mengarahkan dia untuk membersihkan dirinya di Kolam Siloam, dengan air liurnya dan tanah liat Yesus campurkan lalu meletakkan di mata orang buta itu. Sejurus selepas itu, lelaki itu mampu melihat. Sukacitalah!

Disebalik sukacita itu, ada juga khalayak ramai yang merendahkan dan mempersoalkan ketulenan penyembuhan itu. Kejadian itu memang dijangkakan. Tetapi kita tetap teruskan kepercayaan tanpa mengira apa keadaan sekalipun dengan bimbingan Tuhan Gembala kita. Walau kita berjalan di lembah kegelapan, kita tidak takut akan roh jahat. Tuhan itu beserta kita bersama tongkat gembalaNya dan memberi kita kekuatan.

Daud memberi kepercayaan iman yang penuh terhadap Allah dan melakukan apa yang diarahkanNya. Iman Daud itu menyenangkan hati Allah dan Allah pun memberi ganjaran kepada Daud atas kesetiannya. Apabila kita hidup dalam cahaya terang, mampu dan rela melihat, kehidupan kita mampu memberi kebaikan, kebenaran dan kepercayaan. ✨



Bacaan Injil Harian:

1 Sam 16: 1b, 6-7,  
10-13a.

Mazmur 23: 1-3a, 3b-4,  
5, 6 (1)

Efesus 5: 8-14

Yoh. 9: 1-41

Perkataan  
mingguan

Adakah kita pilih  
untuk tidak  
melihat?